

10/05/1997

Abu Hassan pikul amanah

APABILA Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pelantikan Datuk Abu Hassan Omar sebagai Menteri Besar baru Selangor, ramai antara kita agak terkejut. Nama Abu Hassan tidakpun disebut sebelum itu sebagai calon Menteri Besar menggantikan Tan Sri Muhammad Muhd Taib. Memang beliau menjadi Timbalan Ketua Perhubungan Umno Selangor tetapi spekulasi terhadap bakal Menteri Besar hanya tertumpu kepada ahli Exco Kerajaan Negeri serta seorang dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) saja. Tambahan pula Abu Hassan memegang jawatan menteri Pusat. Tentulah kedudukan itu tidak memungkinkan beliau dimasukkan dalam senarai calon Menteri Besar baru.

Tetapi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memilih Abu Hassan. Pilihan itu dibuat sekalipun Abu Hassan terpaksa bertanding dalam pilihan raya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), berganti tempat dengan Adun yang ada sekarang. Dr Mahathir menjelaskan pilihannya terhadap Abu Hassan kerana dia bersih. Kriteria ini juga memenuhi pertimbangan Sultan Selangor.

Pilihan terhadap Abu Hassan membelakangkan senarai Exco negeri. Adakah mereka di kesampingkan kerana tidak `bersih'? Kebanyakan pemerhati menganggap keputusan memilih Abu Hassan mengandungi mesej kepada pemimpin Umno.

Dua persoalan penting kini mendapat perhatian umum. Pertama ialah masalah ketelusan dalam setiap tindak-tanduk pemimpin. Kedua, ialah soal alam sekitar. Pemimpin harus bertanggungjawab terhadap setiap tindak-tanduknya. Dr Mahathir sering mengingatkan seorang pemimpin bukan saja harus `bersih tetapi harus dilihat bersih'. Pemimpin harus memperlihatkan ketelusan dalam setiap tindak-tanduknya dan harus pula dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kesilapannya.

Muhammad meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar kerana menurut pengakuannya dia menghadapi masalah. Dia tidak mahu membabitkan kerajaan dan parti dalam masalahnya itu. Masalahnya yang besar ialah kes mahkamah yang dihadapinya di Brisbane, Australia. Kesnya turut disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR). Umum mengerti Muhammad hanya menghadapi masalah tetapi belum didapati bersalah. Tetapi tidak dinafikan dia diselubungi awan mendung yang perlu dibersihkannya.

Selain itu, Muhammad juga menghadapi masalah kecaman umum dalam isu penggondolan bukit di Hulu Klang. Perdana Menteri sendiri membawa isu itu dalam Kabinet selepas menyaksikan pemusnahan hutan di kawasan itu dari helikopter ketika dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur.

Sebagai Menteri Besar, Muhammad memikul tanggungjawab berhubung perkara itu. Perdana Menteri berkali-kali menyentuh masalah bukit menjadi rata dan hutan gondol disebabkan angkara pemaju yang tidak bertanggungjawab. Jangan mengejar keuntungan saja tetapi prihatinlah terhadap tanggungjawab menjaga kebersihan alam sekitar, katanya berulang ulang kali sebelum ini.

Sejak tragedi Highland Towers, isu memelihara alam sekitar semakin luas mendapat perhatian kerajaan dan rakyat. Tetapi masih ada pemaju yang mengingkari peraturan kerajaan. Sehubungan itu, pemilihan Abu Hassan tidak sekadar satu proses pertukaran jawatan saja. Ia juga boleh diertikan sebagai satu tindakan kepemimpinan kerajaan khususnya Perdana Menteri untuk membawa perubahan dalam budaya dan nilai kerajaan Selangor di masa hadapan.

Selangor adalah satu-satunya negeri termaju di Malaysia. Kerajaan

Selangor terbabit dalam pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang, pembinaan pusat kerajaan yang baru di Putra Jaya, Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Cyberspace.

Pembangunan ekonomi yang pesat selama ini membuka peluang seluas-luasnya untuk mereka yang rajin, berani dan berpandangan jauh menjadi makmur dan kaya sama ada secara jujur dan sebaliknya. Korupsi dan penyalahgunaan kuasa menjadi masalah sosial yang semakin menarik perhatian masyarakat. Anwar mengumumkan kerajaan akan memperkuat BPR. Dalam perdebatan umum mengenai korupsi suara semakin kuat mendesak agar BPR diberikan kuasa lebih besar. Aktivis kemasyarakatan, Prof Dr Chandra Muzaffar menyeru rakyat dididik membenci korupsi. Kita harus berusaha mencapai matlamat 'korupsi sifar', katanya dalam sepucuk suratnya kepada media baru-baru ini. Barangkali matlamat itu agak sukar tercapai tetapi saranan itu menunjukkan masyarakat semakin prihatin. Kabinet memutuskan projek pembangunan yang sudah diluluskan tetapi membabitkan penebangan pokok dan penggondolan bukit secara liar hendaklah digantung. Tindakan disiplin akan diambil terhadap pegawai yang bertanggungjawab melulus atau menguatkuasakan projek yang merosak alam sekitar. Pada masa lalu alasan yang kita dengar ialah kerajaan tempatan kekurangan tenaga untuk mengawasi pencerobohan hutan atau keingkaran pemaju. Pelantikan Abu Hassan sebagai Menteri Besar baru Selangor pada hemat saya ada hubung kaitnya dengan tekad kerajaan Pusat memastikan pembangunan Selangor pada masa depan dapat terlaksana sesuai dengan dasar kerajaan mengimbangi kemajuan material dengan tanggungjawab moral kepada masyarakat.

(END)